



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

# LEKOR



BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

[www.pkt.edu.my/](http://www.pkt.edu.my/) | Jilid : 2018



## PKT JUARA KESELURUHAN

KARNIVAL SUKAN PANTAI DAN  
*INDOOR GAMES*  
POLITEKNIK MALAYSIA 2018



# KATA ALUAN **PENASIHAT** **BULETIN 2018**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buletin Lekor 2018 ini dapat diterbitkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin Politeknik Kuala Terengganu atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan proses penerbitan Buletin Lekor 2018 ini berjalan dengan lancar.

Sebagai Pengarah di Politeknik Kuala Terengganu saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun ini akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PKT untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang..

---

Saya percaya setiap warga PKT mempunyai kelebihan dan bakat tersendiri yang dapat menyumbang kearah pembangunan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang terunggul di Malaysia.

Semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang, insya-Allah

**Hajah Radiah binti Che Su A.M.T.**

Penasihat  
Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR  
Politeknik Kuala Terengganu



# KATA ALUAN **PENGERUSI** **BULETIN 2018**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Jawatankuasa Penerbitan Buletin Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya menerbitkan Buletin LEKOR tahun 2018 ini.

Terima kasih diucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerana telah memberi kerjasama dan komitmen yang sebaiknya dalam penerbitan Buletin LEKOR tahun ini.

Saya berharap agar kita semua dapat bergerak seiring dengan satu suara, satu harapan dan bersama membentuk satu cita demi mencapai matlamat serta merealisasikan impian kita untuk menjadikan Buletin LEKOR sebagai satu bahan bacaan yang dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

---

Diharapkan juga Buletin LEKOR akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan berita-berita dan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buletin LEKOR 2018 ini.

Semoga semua usaha kita semua diberkati Allah s.w.t

**En. Abdul Halim bin Ahmad**

Pengerusi  
Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR  
Politeknik Kuala Terengganu



# AHLI JAWATANKUASA

## BULETIN 2018

PENASIHAT

*Pn. Hajah Radiah binti Che Su A.M.T.*

PENGERUSI

*En. Abdul Halim bin Ahmad*

TIMBALAN PENERUSI

*YM Tn. Syed Ahmad Nasrie bin Sayed Abdullah*

SETIAUSAHA

*Pn. Nor Aziah binti Awang*

KETUA EDITOR BULETIN

*Pn. Nooraini binti Che Aziz*

PENOLONG KETUA EDITOR BULETIN

*En. Zunaidi bin Abdullah*

EDITOR BULETIN I

*Pn. Aiezzatul Akmaliah binti Abdullah*

EDITOR BULETIN II

*En. Mohd Shafian bin Abdullah*

DESIGNER BULETIN

*Pn. Nik Norlelawati binti Nik Mukhtar*



# 2018 HIGHLIGHTS

01

**INNOVATION**

02

**COLLABORATION**

03

**CORPORATE SOCIAL  
RESPONSIBILITY**

04

**CAREER DAY**

05

**SPORTS**

06

**GRADUATION**



**"INNOVATION DISTINGUISHES  
BETWEEN A LEADER AND A  
FOLLOWER"**

*- Steve Jobs*

**INNOVATION**



# PENYERAHAN PROJEK

## PPRN

MARANG, 01 JULAI - Penyerahan *Cotton Woolly Decompression Machine* kepada syarikat NMH Production & Creation



Nur Hamidah dan Mohd Hasimi bergambar bersama *Cotton Woolly Decompression Machine*.



Mohd Hasimi menerangkan proses penguraian kekabu secara manual.



Penyerahan disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abdul Aziz, mencuba sendiri bagaimana proses menjahit tilam dilakukan secara manual.

## Politeknik Malaysia hasilkan 70 projek inovasi

MARANG - Penyelidik dari Politeknik Malaysia berjaya melaksanakan tujuh projek Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang mempunyai fungsi berbeza untuk masyarakat sepanjang tahun ini.

Antaranya adalah projek bagi menghasilkan mesin penyahmampatan atau penghuraian kekabu daripada hasil inovasi serta kreativiti terbaru dijalankan penyelidik dari Politeknik Kuala Terengganu.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abdul Aziz berkata, sebanyak 70

produk PPRN dihasilkan Politeknik Malaysia untuk menyelesaikan pelbagai masalah industri sejak 2015.

Menurutnya, produk itu kemudian diserahkan secara percuma kepada usahawan tempatan bagi membantu mengembangkan lagi perniagaan mereka.

"Tahun ini sebanyak tujuh produk dihasilkan dan akan ada lagi produk-produk baharu dihasilkan bergantung kepada industri yang datang pada kita dengan masalah-masalah mereka.

"Kebanyakannya kita akan selesaikan dalam tempoh tiga bulan hingga enam bulan," katanya pada majlis penyerahan mesin penyahmampatan atau penghuraian kekabu kepada

pengusaha tilam kekabu, semalam.

Mohd Ismail menyerahkan mesin melalui projek PPRN itu kepada Nur Hamidah Mohd Zaki, 27, dan suami, Mohd Hasimi Mahmud, 29, dalam satu majlis ringkas di kediaman pasangan terbabit, di sini.

Mesin dihasilkan itu bukan sahaja dapat menjimatkan masa tetapi dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran sektor berkaitan dan dibangunkan empat pensyarah Politeknik Kuala Terengganu.

Pensyarah terbabit ialah Tengku Azman Tengku Mahmud, Mazuki Salim dan Suzana Mohd Ali diketuai Pengarahnya, Radiah Che Su.



Mohd Ismail (empat, kiri) menyerahkan mesin melalui projek PPRN itu kepada Nur Hamidah dan Mohd Hasimi (kanan).

Projek PPRN itu adalah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi bagi meng-

galakkan program inovasi berdasarkan permintaan dalam memacu produktiviti

dan mengukuhkan pembangunan ekonomi negara.





**Kategori Penyampaian  
Perkhidmatan**  
*Kumpulan Strikers*  
- JOHAN

**Kategori Sosial**  
*Kumpulan AfO++*  
- NAIB JOHAN

**Pertandingan Pameran**  
*Kumpulan Strikers*  
- TEMPAT KETIGA

"Revolutionary  
Technology  
and  
Digitalization  
Move  
Innovation "



# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU 2018 PERINGKAT POLITEKNIK MALAYSIA DAN KOLEJ KOMUNITI

7 – 10 Ogos 2018,  
Dewan Kenanga TER







# COLLABORATION

“ALONE **WE CAN DO SO LITTLE,** TOGETHER **WE CAN DO SO MUCH**”

*- Helen Keller*

# KOLABORASI BERSAMA

# INDUSTRI



Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd

Jobsmalaysia Centre Terengganu

Managerinfo-matic Power Sdn. Bhd

Syarikat Shin Etsu Polymer (M) Sdn Bhd



Jabatan Penyiaran Terengganu

Infradata Technology and Services Sdn Bhd


Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)



# CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

“THE BEST WAY TO FIND YOURSELF **IS TO LOSE YOURSELF** IN THE SERVICE OF OTHERS”

*- Mahatma Gandhi*





# BAIK PULIH RUMAH & PENDAWAIAN ELEKTRIK

Majlis Perasmian Program Touch Point Cabinet Away Day 2017, Politeknik Kuala Terengganu bersama Parlimen Marang



En. Tahar bin Sulong, Timbalan Pengerusi Penyelaras Dun Pengkalan Berangan 1 menyampaikan ucapan perasmian.



Radiah melawat salah sebuah rumah penduduk selepas perasmian program di Kg. Kenanga.



Antara penduduk Kg.Kenanga yang hadir.

**02 JANUARI 2018** - Pada hari ini telah berlangsung Majlis Perasmian Program Touch Point Cabinet Away Day 2017, Politeknik Kuala Terengganu bersama Parlimen Marang yang dirasmikan oleh En. Tahar bin Sulong, Timbalan Pengerusi Penyelaras Dun Pengkalan Berangan 1 mewakili YB Hj. A. Latiff bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Sains, Teknologi dan Transformasi Kerajaan Terengganu merangkap ADUN Pengkalan Berangan bertempat di Kg.Kenanga, Marang.

PKT telah diberi tanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja baik pulih rumah secara berfasa di rumah-rumah terpilih di sekitar Parlimen Marang yang melibatkan 4 buah DUN iaitu DUN Bukit Payung, DUN Alor Limbat, DUN Rhu Rendang dan DUN Pengkalan Berangan.

Bagi fasa pertama yang berlangsung pada Oktober hingga November yang lalu, PKT telah berjaya menyiapkan sebanyak 12 buah rumah yang mensasarkan 3 buah rumah bagi setiap DUN. Kos keseluruhan bagi fasa pertama adalah sebanyak RM60,000.00

Secara keseluruhan sebanyak 34 buah rumah disasarkan untuk dibaik pulih di Parlimen Marang dan bagi fasa kedua sebanyak 22 buah rumah lagi diperuntukkan dan sebahagiannya adalah di Dun Pengkalan Berangan. Fasa kedua telah berlangsung sejak awal Disember lagi dan dijangka akan berakhir pada pertengahan Januari ini.

Sehingga hari ini sebanyak 15 buah rumah telah berjaya dibaik pulih dan rumah yang terpilih untuk majlis perasmian pada hari ini merupakan rumah yang ke-16 untuk fasa kedua.

Nama-nama peserta yang terpilih diperoleh dari Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan mereka ini adalah berdaftar dengan E-Kasih. Kos keseluruhan bagi fasa kedua ini menelan belanja sebanyak RM110,000.00.



Antara sukarelawan dari PKT yang terlibat dalam Program Touch Point Cabinet Away Day 2017, PKT bersama Parlimen Marang di Kampung Kenanga.



## PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI SUKARELAWAN YES! POLITEKNIK KUALA TERENGGANU DI KARIMUN, INDONESIA



**KARIMUN, 18 MAC** - Seramai 22 orang pelajar dan 13 orang pegawai dari Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah terlibat dalam menjayakan Program Khidmat Komuniti Sukarelawan Yes! Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Desa Pangke, Karimun, Indonesia. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini adalah anjuran kali keempat oleh Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama Unit Sukan dan Ko-Kurikulum, PKT dalam usaha untuk mengenali lebih dekat lagi kehidupan penduduk luar bandar di daerah Karimun yang berbeza budaya dan latar belakang.

Pengarah PKT, Radiah Che Su berkata, objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kehidupan masyarakat setempat di Desa Pangke, Karimun selain menggalakkan hubungan sosial yang lebih erat dan positif antara Malaysia dan Indonesia. Katanya, program seperti ini juga dapat membentuk kepimpinan melalui teladan dengan menimba pengalaman daripada masyarakat yang lebih arif dalam kehidupan dan pelajar juga dapat berkongsi ilmu dengan masyarakat setempat yang berbeza dialek percakapan dan budaya serta taraf sosial ekonomi.

“Antara aktiviti yang telah diadakan adalah gotong-royong membersihkan kawasan pantai Desa Pangke, perlawanan bola tampar antara pelajar PKT dan golongan belia Desa Pangke, aktiviti bersama pelajar-pelajar Sekolah Dasar 002 Meral Barat, Kacamatan, Karimun dan persembahan kompang oleh penduduk Desa Pangke” katanya.



**“IT’S NOT WHAT YOU ACHIEVE **IT’S**  
**WHAT YOU OVERCOME.** THAT IS WHAT  
DEFINES YOUR **CAREER”****

*- Carlton Fisk*

# CAREER DAY





**KUALA TERENGGANU, 1 JULAI 2018** – Penganjuran kali kedua Career Day 2.0 atau Hari Kerjaya 2.0 oleh Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dengan kerjasama JobsMalaysia Centre Terengganu mendapat sambutan luar biasa dari pengunjung di sekitar negeri ini. Menurut Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia, beliau menyifatkan program ini sebagai satu usaha yang sangat baik untuk memberi pendedahan dan maklumat berkaitan kerjaya dalam bidang pekerjaan kepada mahasiswa PKT, terutamanya kepada mereka yang bakal bergraduan nanti.



# KARNIVAL

# KERJAYA 2.0

Buka Peluang Kerjaya




Karnival ini juga memberi peluang kepada para graduan dan pencari kerja untuk mendapatkan pengalaman sebenar sesi temuduga dijalankan selain mendapatkan maklumat, panduan dan khidmat nasihat mengenai pekerjaan.

Selain dari Temuduga Terbuka dan Pameran Pendidikan & Kerjaya, pengunjung juga berpeluang untuk mengikuti Klinik Resume bersama-sama dengan JobsMalaysia Centre Terengganu bagi mempelajari teknik penulisan resume yang lebih berkesan selain berpeluang untuk mengunjungi pameran-pameran daripada syarikat dan agensi yang terlibat.







# PROGRAM MINGGU JAWI 2018

## Martabat Tulisan Jawi Agar Tidak Luput Ditelan Zaman

Pengarah PKT, Hajah Radiah binti Che Su berkata, antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk menambah ilmu kemahiran menulis dan membaca jawi dalam kalangan warga PKT selain menyemarakkan semula tulisan berkenaan sebagai budaya hidup masyarakat Islam amnya. "Tulisan Jawi merupakan salah satu adat dan warisan Melayu peninggalan generasi dahulu kepada masyarakat pada hari ini. Amatlah rugi sekiranya generasi pada hari ini membiarkan warisan tulisan Jawi luput begitu sahaja tanpa ada usaha yang dilakukan untuk mengekalkannya. Lebih-lebih lagi dalam era sains dan teknologi masa kini yang begitu pesat berkembang" katanya.

"Saya amat berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh seluruh warga PKT termasuk pelajar, pensyarah, kakitangan pentadbiran dan juga pekerja kebersihan dan berharap semua peserta mendapat manfaat melalui penganjuran program ini" katanya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program Minggu Jawi 2018 yang diadakan di Perpustakaan PKT, di sini. Menariknya, program yang berlangsung selama lima hari ini turut mendapat sambutan daripada kalangan pelajar bukan beragama Islam di PKT yang berminat untuk mempelajari tulisan jawi.

Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang program tersebut adalah pertandingan mewarna poster jawi, pertandingan teka silang kata jawi, pertandingan tulisan jawi tercantik, pertandingan membaca tulisan jawi paling lancar, pengumpulan ayat Al-Quran yang rosak untuk dilupuskan, pameran dan jualan cenderahati khat. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Unit Kaligrafi Kolej Al-Quran Negeri Terengganu dengan mengadakan kelas khat secara percuma kepada para peserta. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Akademik, Encik Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Puan Suzana binti Mohd Ali dan pegawai dari Kolej Al-Quran Negeri Terengganu.

**01 FEBRUARI 2018** - Tulisan jawi adalah warisan budaya ilmu yang tidak boleh dibiarkan lenyap terutama dalam kalangan generasi baharu. Namun begitu, tidak ramai generasi pada hari ini berkebolehan menulis dan membaca tulisan Jawi dengan baik padahal tulisan tersebut pernah mencapai zaman kegemilangannya satu masa dahulu. Menyedari hakikat itu, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) melalui Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dengan kerjasama Unit Perpustakaan PKT telah menganjurkan Program Minggu Jawi 2018 bermula pada 28 Januari sehingga 1 Februari.

**ANJURAN** Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dengan kerjasama Unit Perpustakaan PKT





# SPORTS

**“WINNING ISN'T  
EVERYTHING, BUT  
WANTING TO  
WIN IS”**

*- Vince Lombardi*



# KARNIVAL SUKAN PANTAI & INDOOR GAMES PERINGKAT

## POLITEKNIK MALAYSIA

PKT juara  
keseluruhan  
Karnival Sukan  
Pantai dan *Indoor*  
Games Politeknik  
Malaysia 2018

**KUALA NERUS, 5 OGOS 2018** - PKT selaku tuan rumah meraih 3 pingat emas, 1 perak dan 1 gangsa sekaligus membawa pulang Piala Sumbangan Hjh.

Radiah Che Su, diikuti Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) yang menduduki tempat kedua dengan 1 emas, 2 perak dan 3 gangsa. Tempat ketiga Politeknik Nilai Seremban (PNS) dengan 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa.



Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia merangkap Yang Dipertua Majlis Sukan Politeknik Malaysia, Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat berkata langkah Majlis Sukan Politeknik (MSP) menganjurkan Karnival Sukan Pantai dan Indoor Games ini merupakan satu platform baik untuk para pelajar Politeknik Malaysia khususnya menilai bakat dan kemampuan masing-masing.



# KEJAYAAN SUKAN PELAJAR



**PINGAT EMAS & ATLET TERBAIK SUKAN BADMINTON  
NUR SYAWAL BIN MAT DESA**  
*Sempena Kejohanan Karnival Sukan Politeknik  
(MSP) 2017*



**NAIB JOHAN**  
*3 orang pelajar PKT mewakili Team  
Politeknik Malaysia dalam Futsal Liga  
IPT 2018*



**TEMPAT KE-3**  
*Sempena Malaysia Futsal League 2018  
bertempat di IIUM Kuantan*





**JOHAN CUP**  
Kejohanan Rugby Liga  
Terengganu 15s



**JOHAN-MEN'S DIV II**  
**MUHAMMAD AQIF BIN MOHD**  
Sempena Kejohanan TECNIFIBRE  
Singapore Open 2018



**KEEPER TERBAIK**  
**SYATIR**  
sempena Kejohanan Futsal Politeknik  
Malaysia bertempat di IIUM Kuantan.





# GRADUATION

**"A JOURNEY  
OF A  
THOUSAND  
MILES  
BEGINS WITH  
A SINGLE  
STEP"**

*- Lao Tzu*



# MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2018



"Berbaktilah kepada PKT apabila anda telah berjaya kelak" Radiah Che Su, Pengarah PKT (2011-2018)

23/09/18 @  
Dewan  
Konvensyen  
Taman Tamadun  
Islam





# Graduan Politeknik jadi rebutan

Sebanyak 96 peratus graduan bagi sesi Jun dan Disember 2016 telah bekerja



Seramai 199 pelajar politeknik Kuala Terengganu bagi sesi Jun dan Disember 2016 menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen kali Ke-16 Institut itu, semalam.



Abdul Rahman Ali (tengah) diringi Radiah Che Su (kanan) ketika hadir merasmikan Majlis Konvokesyen kali Ke-16 Institut itu yang diadakan di Hotel Primula, semalam.

**NORHASRIDA YAHYI**

**KUALA TERENGGANU** - Politeknik Kuala Terengganu terus melakar pencapaian terbaik dari segi kebolehpasaran graduan apabila sebanyak 96 peratus graduan bagi sesi Jun dan Disember 2016 telah bekerja dalam pelbagai industri, termasuk agensi kerajaan.

**INFO**  
Seramai 199 graduan Politeknik Kuala Terengganu menerima diploma masing-masing

dan selebihnya dalam bidang teknikal. "Sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar, Politeknik Kuala Terengganu sentiasa berusaha dalam menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, ma-

jukan dan pasaran pekerjaan. "Setakat ini kita bekerjasama secara aktif dan jalinan hubungan dengan lebih 15 industri. Ia bukan hanya kolaborasi bersama pelajar mahalan kakitangan. Pelajar juga ditempatkan di industri itu bagi menjalankan latihan yang memberikan pendedahan secara langsung kepada mereka," katanya pada sidang media sempena Majlis Konvokesyen kali Ke-16 Institut itu di sini, semalam.

Majlis perasmian konvokesyen yang bertemak 'Graduan Berinovasi Pemangkin Industri' itu di sempurnakan oleh Naib Pengerusi Eksekutif, Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd., Abdul Rahman Ali.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr Saifuddin Kumar Abdullah dan Timbalan Pengarah Akademik politeknik itu, Mohd. Rusmi Abd Ghani.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, majlis konvokesyen ini menjadi titik tolak bagi jalinan kerjasama antara syarikat Kapal Selakangan Luar Pesisir (OSV) terbesar negara itu bersama Politeknik Kuala Terengganu. "Kerjasama akan dijalankan secara terus bersama Politeknik Kuala Terengganu kerana kita berjalanan untuk ambil pelajar tempatan dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan elektrik bagi meningkatkan karier mereka. "Kita di Jasa Merin boleh sediakan latihan kepada mereka selama enam bulan, selain itu, kita mungkin boleh serap terus mereka atau serap kepada syarikat lain yang berkaitan perkilangan, teknik dan mekanikal," katanya.

Pada majlis itu, 199 graduan Politeknik Kuala Terengganu menerima Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi sesi Jun 2016 dan Disember 2016.

Daripada jumlah berkenaan, 69 orang merupakan lepasan bagi sesi Jun 2016 bagi Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan diikuti 130 orang lagi bagi sesi Disember tahun sama.

## Air mata iringi kejayaan Nur Saliza selepas rangkul Anugerah Pengarah Politeknik

**KUALA TERENGGANU** - Air mata yang tumpah ketika menceritakan perasaan gembira menerima anugerah tertinggi pada majlis konvokesyen sudah cukup menggambarkan perasaan hiba seorang pelajar cemerlang yang terpaksa meraikan kejayaan tanpa kehadiran kedua ibu bapanya.

Pelajar diploma Jurusan Kejuruteraan Elektrik, Nur Saliza Awang Besar, 25 yang berasal dari Kampung Kubang Iban, Manir, di sini, berjaya merangkul anugerah tertinggi, Anugerah Pengarah Politeknik sempena Majlis Konvokesyen kali Ke-16 Politeknik Kuala Terengganu, semalam.

Selain merangkul anugerah utama, beliau turut merangkul tiga lagi anugerah iaitu Anugerah Khas Ketua Jabatan, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Pengarah Politeknik (Kategori Anugerah Projek Terbaik).

Anak bongsu dari 11 adik-beradik ini berkata, biarpun kedua orang tuanya tiada untuk berkongsi cerita kejayaan dan kegembiraan, dia reda dengan ketentuan itu.

"Kejayaan ini adalah untuk kedua ibu bapanya. Biarpun mereka telah pergi, saya bersyukur kerana berjaya membanggakan mereka. Saya juga bersyukur kerana mempunyai kakak dan abang yang sentiasa menyokongnya dalam setiap bidang yang diceburi.

"Alhamdulillah, ini kejayaan paling besar yang saya terima setakat ini dan ia hasil sokongan semua terutamanya pensyarah, keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu saya," katanya ketika ditemui pada majlis konvokesyen berkenaan yang diadakan di Hotel Primula, di sini, semalam.

Kesedihan yang masih belum reda akibat kehilangan ibu, Saadiah Mohamad yang meninggal dunia tujuh tahun bertamabah apabila beliau kehilangan bapanya, Awang Besar Muhammad Disember tahun

adik ini berkata, biarpun kedua orang tuanya tiada untuk berkongsi cerita kejayaan dan kegembiraan, dia reda dengan ketentuan itu.

Berkongsi cerita mengenai kehilangan insan tersayang, Nur Saliza yang menyimpan hasrat menjadi pendidik berkata, selama setahun bapanya tidak mampu bekerja akibat penyakit gout kronik yang dihadapinya, selain kerosakan buah

pinggang. Katanya, selepas bapanya meninggal dunia, beliau kini tinggal bersama kakaknya, Nazirah Awang Besar, 27 di Kampung Gong Tok Nasek, di sini, sejak tahun lalu.

"Kakak dan abang banyak membantu dalam menyalurkan wang perbelanjaan ketika saya belajar dulu, terima kasih saya ucapkan atas pengorbanan mereka," katanya yang berhasrat menyambung pengajian di universiti tempatan.

Menurut Nur Saliza, sebelum ini beliau pernah gagal dalam pelajaran dan kejayaan diperoleh hari ini bagi merebus kegagalan yang pernah dialaminya.

"Saya sebenarnya pernah gagal dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan tidak menyambung pengajian ke universiti dan memilih untuk menyambung diploma di politeknik walaupun selepas Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) saya menerima banyak tawaran untuk menyambung pengajian.

"Alhamdulillah, walaupun hampir setahun saya tidak belajar selepas STPM semata-mata untuk menjaga bapa yang sedang sakit ketika itu, kejayaan yang saya peroleh hari ini adalah hikmah yang saya terima hasil pengorbanan selama ini berkat doa semua," katanya.



Nur Saliza bersama anugerah yang diterima sempena Majlis Konvokesyen kali Ke-16 Politeknik Kuala Terengganu, yang diadakan di Hotel Primula, semalam.

# LIPUTAN MEDIA

## Majlis Konvokesyen PKT kali Ke-17

# Graduan PKT mudah dapat kerja

**99 peratus mereka yang tamat pengajian terjamin kerjaya**

**RAHAYU MUSTAFA**

**KUALA TERENGGANU**

Sebanyak 99 peratus pelajar Politeknik Kuala Terengganu (PKT) bagi sesi Jun dan Disember 2017 telah memperoleh pekerjaan di sektor dan agensi kerajaan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Pengarah PKT, Radiah Che Su berkata, perkembangan positif dan membanggakan itu selaras dengan usaha serta matlamat PKT dalam menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan.

Menurutnya, sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar, permintaan tinggi industri terhadap lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan (TVET) adalah setanding dengan lepasan universiti awam atau swasta.

"Menyadari potensi generasi TVET ini, kita telah memilih 'Kesepaduan Generasi TVET Melestari Industri 4.0' sebagai tema majlis konvokesyen pada kali ini," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen PKT ke-17 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), semalam.

Majlis itu diempunikan oleh Naib Pengerusi Eksekutif Jasa Merin (Malaysia) Sdn Bhd, Abdul Rahman Ali yang turut menyampaikan skrol konvokesyen kepada pelajar. Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, Kementerian Pen-



Sebahagian daripada graduan PKT yang menerima skrol diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-17 PKT di Taman Tamadun Islam semalam.

didikan Malaysia (KPM) dan ketua-ketua jabatan.

Seramai 227 graduan jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan), dan Diploma

Teknologi Maklumat (Rangkaian) bagi sesi Jun dan Disember 2017 menerima skrol masing-masing.

Dalam konvokesyen itu, pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Muhammad Arif A. Khalid, 24, dipilih sebagai penerima

Anugerah Pengarah Politeknik.

Dalam ucapannya, Radiah turut menyenaraikan pelbagai kejayaan yang diraih oleh PKT dalam bidang inovasi, penyelidikan, keusahawanan, sukan selain jalinan kolaborasi antara pelbagai

**info**

Permintaan tinggi industri terhadap lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan (TVET) adalah setanding dengan lepasan universiti awam atau swasta.

agensi swasta dan kerajaan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

"Diharapkan cerita-cerita kejayaan ini akan dapat membakar lagi semangat warga PKT untuk terus berjuang dalam mengharumkan nama PKT di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.

Sejak beroperasi pada tahun 1999, PKT telah melahirkan seramai 4,114 graduan pelbagai bidang dalam tempoh 19 tahun penubuhannya.



# MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI PKT DAN MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI

*22 September 2018,  
Hall 2, Dewan Konvensyen Taman  
Tamadun Islam, Kuala Terengganu*



*Meraikan bakal graduan  
Politeknik Kuala Terengganu yang  
akan menerima Diploma pada  
Majlis Konvokesyen Politeknik  
Kuala Terengganu Kali Ke-17.*

*Meraikan pengarah-pengarah  
Politeknik Malaysia yang menamatkan  
perkhidmatan pada tahun ini.*







# MAJLIS LAMBAIAN KASIH & SANJUNGAN BUDI PUAN HAJAH RADIAH BINTI CHE SU

“A GOOD LEADER  
INSPIRES PEOPLE  
TO HAVE  
CONFIDENCE IN THE  
LEADERSHIP BUT A  
GREAT LEADER  
INSPIRES PEOPLE  
TO HAVE  
CONFIDENCE IN  
THEMSELVES ”







**17 OKTOBER 2018 (RABU) -**

Tahniah diucapkan kepada Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa atas pelantikan sebagai Pengarah Politeknik Kuala Terengganu. Selamat datang diucapkan. Semoga PKT terus maju dan cemerlang di bawah pimpinan tuan.

## PELANTIKAN PENGARAH BAHARU PKT

**21 OKTOBER 2018 (AHAD) -**

Perjumpaan pertama ahli Mesyuarat Pengurusan Politeknik Kuala Terengganu bersama dengan YBhg. Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT bertempat di Bilik Persidangan. Mesyuarat membincangkan hala tuju PKT bagi tahun 2019 melalui perancangan aktiviti dan program dari unit dan jabatan. Semoga perjumpaan ini akan dapat membantu pihak Pengurusan PKT untuk lebih fokus dan jelas tentang hala tuju PKT bagi tahun 2019 hingga 2025 dalam merealisasikan visi Politeknik Malaysia iaitu "Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul"









**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

# LEKOR



BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

diterbitkan oleh :

**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**  
JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU  
TEL:09-6204 100 | FAKS:09-6204 102  
[www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi](http://www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi)  
[www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)









e-ISSN 2289-4136



9 772289 413000